



PERSIDANGAN ANTARABANGSA ICTLHE BERSEMPENA RCEE DAN RHED 2012

Pada 10 hingga 12 April 2012 yang lalu, Pusat Pendidikan Kejuruteraan dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Majlis Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Tinggi Malaysia (MAGNETIC) telah berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa mengenai Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pendidikan Tinggi (ICTLHE), sempena Persidangan Serantau ke-4 Mengenai Pendidikan Kejuruteraan (RCEE) dan Penyelidikan dalam Pengajian Tinggi (RHED) 2012 di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.

Aturcara persidangan ini disusun dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan padat merangkumi pembentangan kertas kerja oleh peserta dari dalam dan luar negara melalui tiga sesi selari. Di samping itu suatu bengkel khas untuk guru dengan tajuk "Integrating Engineering Into Secondary And Pre-University Curricula" telah juga diadakan.

berita selanjutnya di muka 3

Ceramah Perdana oleh Profesor Eric Mazur - Harvard University

Pada 29 Mac 2012 yang lalu, Professor Eric Mazur dari Harvard University telah menyampaikan ceramah dalam program UTM Premier Lecture bertajuk 'Memorization or Understanding: Are We Teaching The Right Thing?'. Profesor Mazur ialah profesor dalam bidang Fizik dan Fizik Gunaan dan seorang ahli sains dan penyelidik yang tersohor di peringkat antarabangsa. Di samping melakukan penyelidikan dalam bidang Fizik Optik, beliau juga sangat aktif dalam memelopori kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar yang dipanggil *Peer Instruction*. Menurut Prof. Mazur, strategi pembelajaran *Peer Instruction* menekankan perkongsian pengetahuan di antara rakan sebaya dalam dewan kuliah yang besar.

berita selanjutnya di muka 3





Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini menunjukkan peratusan pelajar IPT yang memilih jurusan sains adalah pada tahap yang membimbangkan. Ini memberikan implikasi yang besar terhadap kemampuan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 kerana kita akan kekurangan kepakaran dalam bidang-bidang kritikal yang boleh memacu kemajuan negara. Dari perspektif pelajar, ini kerana mereka menganggap subjek sains adalah subjek yang sukar, tidak menarik dan kurang prospek kerjaya.

Banyak saranan telah diajukan oleh pelbagai pihak untuk mengatasi masalah ini. Sebenarnya, untuk menjadikan pelajar lebih berminat dengan subjek sains bukanlah sesuatu yang terlalu sukar untuk dilaksanakan. Pertama sekali kita perlu melakukan transformasi dalam kaedah pengajaran subjek-subjek yang dianggap sukar seperti Sains, Matematik dan Kejuruteraan. Sudah sampai masanya kita menekankan kefahaman kepada konsep dan bukan menghafal semata-mata. Semestinya ini harus dilakukan dari peringkat sekolah lagi. Kefahaman yang mendalam mengenai konsep-konsep asas bukan sahaja menjadikan pembelajaran sains di peringkat tinggi lebih mudah, malah akan menghasilkan graduan yang lebih inovatif di alam pekerjaan.

Suatu lagi strategi yang boleh dilaksanakan ialah melalui penggunaan teknologi secara lebih efektif. Kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar kita adalah pelbagai. Bagi golongan visual, kemudahan teknologi video adalah sangat membantu. Tambahan pula, kos penghasilan video khususnya untuk meningkatkan kefahaman pelajar adalah semakin rendah. Seterusnya, dengan menggunakan platform rangkaian sosial, yang sedang menjadi kegilaan remaja masa kini, pelajar sendiri boleh membantu rakan-rakan mereka untuk memahami konsep-konsep yang dianggap sukar sebelum ini.

Sidang Redaksi

Ketua Editor

Prof. Dr. Mohamed Noor bin Hasan

(mnoor@utm.my)

Editor

Prof. Dr. Baharuddin bin Aris

(bba@utm.my)

Pn. Norah bte Md Noor

(norah@utm.my)

Tn. Hj Yahya bin Samian

(yahya@fkm.utm.my)

En. Mohd Fazilah bin Abdullah

(mfazilah@utm.my)

Pembantu Penerbitan

En. Abd Jalil bin Sairi

(aj-sairi@utm.my)

Pn. Norafeza Mohamed Ismail

(norafeza@utm.my)

Grafik & Visual

En. Raja Muhammad Fariz bin

Raja Rohaizat Shah

(rmfariz@utm.my)

Jurufoto

En. Supandi bin Bunangin

(supandi@utm.my)

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL)

Bangunan Pusat Siswazah (F54)

81310 UTM Johor Bahru

Tel.: 07-5537857/51

Faks: 07-5537860

Versi elektronik: www.ctl.utm.my/buletin

Lawatan dari UMS dan UTEM ke CTL

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL), UTM sememangnya merupakan antara Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA yang aktif dalam menjalankan aktiviti pemantapan P&P dan sentiasa berusaha untuk menerajui bidang tersebut di Malaysia. Atas dasar yang sama, pihak CTL UTM sering dikunjungi oleh pihak-pihak luar bagi tujuan perkongsian idea dan membincangkan kerjasama yang mungkin boleh dilaksanakan bagi kebaikan bersama.



Pada 8 Disember 2011, yang lalu, rombongan empat pegawai daripada Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Malaysia Sabah telah mengunjungi CTL bagi mendapatkan maklumat mengenai dasar, garis panduan dan proses kerja dalam pelaksanaan sistem e-Pembelajaran dan ePPP yang diamalkan oleh UTM. Selain itu tujuan mereka melawat CTL juga adalah bagi melihat kemudahan studio rakaman serta peralatan yang bersesuaian bagi membangunkan bidang pengajaran menerusi teknologi ke aras yang lebih tinggi.

Pada 19 Mac 2012 pula, Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan, Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Teknikal Melaka bersama tiga orang staf beliau iaitu Dr. Hajah Norasiken Bakar, Cik Norazah Mohamed Yazid dan Mohammad Isham bin Ishak turut mengadakan lawatan kerja ke CTL. Tujuan utama lawatan adalah untuk meninjau sistem dan mekanisme pengurusan pentadbiran dan pengelolaan kursus kepada para akademik di UTM.

Kehadiran wakil dari UMS dan UTEM ke CTL telah disambut dengan sesi perkongsian maklumat, perbincangan dan juga lawatan ke kawasan kerja CTL merangkumi Makmal Multimedia dan Studio Rakaman CTL. Pihak CTL mengucapkan terima kasih atas kesudian perwakilan daripada kedua-dua Universiti yang datang berkunjung. Semoga hasil lawatan dapat memberi manfaat kepada pengurusan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran di institusi masing-masing.



Lawatan Rasmi dari UTM
19 Mar 2012

PERSIDANGAN ANTARABANGSA ICTLHE BERSEMPENA RCEE DAN RHED 2012

sambungan dari muka hadapan

Dalam Simposium Pendidikan Kejuruteraan, ucapama telah di sampaikan oleh pakar dari dalam dan luar negara iaitu Prof Baharuddin Aris (Malaysia), Prof. David Radcliffe (Amerika Syarikat), Professor Duncan Fraser (Afrika Selatan) dan Professor Myongsook Oh (Korea Selatan). Tidak ketinggalan dalam aturcara yang diatur ialah suatu Forum yang menarik bertajuk "Role of Academia & Industry in the Development of Innovative Graduates".

Persidangan yang menggunakan tema "Transformation for Inspiring Innovative Generation" ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Lasim, Exco Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi, yang mewakili Menteri Besar Negeri Sembilan.



Ceramah Perdana oleh Profesor Eric Mazur - Harvard University

sambungan dari muka hadapan

Proses pembelajaran sedemikian dapat membantu pelajar menerangkan kepada rakan masing-masing tentang mengapa mereka memilih pilihan jawapan yang diberikan oleh pensyarah sekaligus membantu membetulkan miskonsepsi di kalangan pelajar. Menurut Profesor Mazur, walaupun ramai pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan tetapi sebahagian daripada mereka menghadapi kesukaran



untuk menjawab soalan yang menguji kefahaman mengenai konsep-konsep penting dalam sesuatu bidang. Dalam ceramah yang disampaikan, Prof. Mazur telah berkongsi pengalaman beliau menggunakan kaedah Peer Instruction selama hampir 20 tahun di Harvard. Di samping mengikuti ceramah yang beliau sampaikan, para hadirin juga telah berpeluang menggunakan kaedah peer instruction secara hands on dengan bantuan alatan clickers yang dibekalkan. Dapat disimpulkan bahawa mereka yang telah mengikuti ceramah beliau berasa yakin kaedah ini patut digunakan dalam konteks UTM sebagai salah satu strategi menjadikan kelas lebih aktif di samping menekankan kefahaman di kalangan pelajar.

Persidangan kali ini telah berjaya menarik minat lebih 100 orang pembentang kertas kerja dan peserta daripada pelbagai negara seperti Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Denmark, Pakistan, Korea, Iran, Singapura, Thailand, Hong Kong, Indonesia dan Malaysia.



Lawatan Dr. Anders Berglund

Pada 15 Disember 2011, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran telah menerima kunjungan Dr Anders Berglund daripada Uppsala University, Sweden. Dr Anders Berglund merupakan Pengarah Program Sarjana Sains Komputer dan berkhidmat di Department of Information Technology, Uppsala University, Sweden.



Beliau bersama rakan-rakan lain di Jabatan Teknologi Maklumat komited dalam menjalankan kajian dalam Pendidikan Sains Komputer sehinggakan mereka menubuhkan Uppsala Computing Education Research Group lebih 10 tahun yang lalu. Di antara fokus bidang kajian UpCERG merangkumi Globalisasi dan Budaya, Cara Pemahaman Pengkomputeran, Pembelajaran Kemahiran Profesional dan Pendidikan Berbantuan Teknologi. Sesi perkongsian pengalaman dan perbincangan mengenai beberapa perkara seperti kajian Pendidikan Komputer dan Pendidikan Kejuruteraan serta penawaran program PhD dalam Pendidikan Komputer di Uppsala University telah berjalan dengan lancar. Hasil perkongsian pengalaman dan perbincangan di antara Uppsala University dan Universiti Teknologi Malaysia telah mengeratkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak.



UTM LANCAR LAMAM WEB PERISIAN KURSUS TERBUKA (OCW)

Pada 12 Mac 2012, Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor telah melancarkan laman web Perisian Kursus Terbuka UTM (Open CourseWare (OCW)) yang menyediakan platform untuk perkongsian bahan pembelajaran secara global. OCW mengandungi bahan pembelajaran digital berdasarkan kursus yang ditawarkan di UTM yang boleh dimuat turun secara percuma. Ia merupakan tren pembelajaran terkini yang memanfaatkan teknologi maklumat untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia yang telah lama diamalkan oleh universiti terkemuka seperti Massachusetts Institute of Technology (MIT), John Hopkins University dan University of Tokyo.

Tujuan UTM mengadakan program ini bagi menyediakan platform kepada staf akademik mempamerkan kepakaran mereka dan membolehkan pengguna dari seluruh dunia berkongsi bahan pembelajaran digital bermutu tinggi. Bahan yang terdapat di dalam OCW boleh dimuat turun oleh sesiapa sahaja untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai bidang yang berkaitan di samping menjadi rujukan tambahan kepada pelajar di peringkat universiti. Selain itu, Ibu bapa dan bakal pelajar pula boleh menilai bahan pembelajaran yang ditawarkan dan OCW boleh menjadi daya tarikan kepada mereka untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi di UTM.

Sehingga kini bahan pembelajaran bagi lebih 40 kursus telah dimuat naik ke laman web OCW UTM (<http://ocw.utm.my>) dan universiti merancang untuk menerbitkan 500 kursus secara online dalam tempoh empat tahun. MIT yang menjadi pengasas kepada projek ini telah menerbitkan bahan pembelajaran bagi 2000 kursus yang ditawarkan di universiti berkenaan secara online. OCW adalah sumbangan sosial UTM kepada masyarakat ke arah peningkatan kualiti pendidikan di negara ini khususnya dan masyarakat dunia umumnya. Penglibatan UTM dalam OCW mampu menaikkan imej UTM, sebaris dengan universiti ternama di seluruh dunia yang kini mengamalkan konsep perkongsian melalui kemudahan internet untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

Kursus Penyediaan Fail Meja Staf Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)



Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) telah mengadakan Kursus Penyediaan Fail Meja Staf hasil usahasama di antara Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Seramai 26 orang staf CTL dan Pejabat TNC(A&A) telah turut serta menjayakan kursus tersebut. Penceramah yang telah dijemput oleh pihak penganjur ialah En. Azham bin Ramli, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Naib Canselor UTM. Bengkel ini telah diadakan di Grand Season Hotel, Kuala Lumpur pada 9-11 Disember 2011. Objektif kursus ini ialah untuk penyediaan fail meja jawatan masing-masing serta manual prosedur kerja unit/jabatan masing-masing. Dengan adanya fail meja dan manual prosedur kerja dapat melancarkan tugas harian staf CTL dalam menuju ke arah perkhidmatan yang berkualiti.



MESYUARAT KERJASAMA KETUA-KETUA PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN IPTA MALAYSIA (MAGNETIC) KALI KE-17

Mesyuarat kali ini telah diadakan pada 24 Februari 2012 bertempat di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Pihak Sekretariat UTM amat berbesar hati dengan kesediaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) membantu menjayakan mesyuarat tersebut sebagai tuan rumah untuk kali yang kedua sejak penubuhan MAGNETIC.

Seperti biasa, kesemua Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA telah menghadiri mesyuarat ini atau menghantar wakil masing-masing pada sesi perkongsian yang dianggap amat bermanfaat untuk membincangkan isu-isu berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Antara maklumat dan isu yang disampaikan dalam bentuk makluman serta perbincangan di kalangan ahli mesyuarat adalah seperti berikut:

- 1) Pihak UTHM selaku sekretariat penyediaan modul Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAPP) akan mengadakan bengkel untuk melatih wakil-wakil IPTA dalam menggunakan modul ini yang dijangka dapat diadakan pada minggu kedua bulan Mac 2012.
- 2) UTM dengan kerjasama AKEPT akan mengadakan persidangan International Conference on Teaching and Learning in Higher Education (ICTLHE) In Conjunction with Regional Conference in Engineering Education (RCEE) & Research in Higher Education (RHED) 2012 pada 10 hingga 12 April 2012 bertempat di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.
- 3) Pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bersetuju memperuntukkan sebanyak RM50,000 kepada MAGNETIC untuk menjalankan semua aktiviti yang dirancang termasuklah cadangan mengadakan perbincangan akademik di luar negara.
- 4) Draf Modul Amalan Terbaik Pemantapan Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) telah diedarkan kepada semua ahli untuk makluman dan semakan. Beberapa buah Universiti yang masih belum menghantar modul berkenaan diminta untuk menghantarnya kepada pihak Sekretariat.
- 5) Pihak JPT memaklumkan lima universiti yang telah mendapat status autonomi penuh dan swa akreditasi kecuali UTM boleh terus memproses program baharu tanpa melalui proses kelulusan daripada JKPT dan MQA jika ianya tidak melibatkan impikasi kewangan, infrastruktur fizikal dan sumber manusia.
- 6) Mesyuarat dimaklumkan berhubung penubuhan sebuah Pusat Kecemerlangan yang bertanggungjawab terhadap P&P di USM mulai 1 Februari 2012.
- 7) Sasaran JPT untuk pelaksanaan My3S Pelajar Tahun Akhir 2011 adalah 75% sahaja bagi mereka yang mendapat purata minima 6.5 untuk semua elemen Generis Student Attributes (GSA). Walau bagaimanapun, pencapaian sebenar hasil kerjasama dan tindakan semua IPTA telah menghasilkan keputusan pada tahap jauh melebihi sasaran iaitu 91.27%.
- 8) Pada 2012 berdasarkan persetujuan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk sasaran pencapaian My3S Pelajar Tahun Akhir telah ditetapkan pada tahap tidak kurang daripada 89%.
- 9) Mesyuarat menerima maklum bahawa satu perubahan atau anjakan baharu perlu dilaksanakan agar fungsi dan peranan MAGNETIC dapat dilihat dengan lebih nyata dalam membantu pihak JPT dari aspek P & P dalam kitaran IPTA Malaysia.
- 10) Ahli MAGNETIC yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu disaran supaya membuat penyelidikan berkaitan isu-isu dalam P&P yang mana ianya dapat membantu menaikkan imej MAGNETIC dan seterusnya membantu semua Pusat Pembangunan Akademik di IPTA seluruh Malaysia.
- 11) Mesyuarat mengambil maklum berhubung persetujuan pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk menjadi tuan rumah mesyuarat kali ke 18 Bil.2/2012 yang dijadualkan pada 8 hingga 9 Mei 2012.



KURSUS DAN BENGKEL ANJURAN PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) BULAN JANUARI - APRIL 2012



BIL.	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. PESERTA
1	KURSUS OBE-PENYEDIAAN CRR & PRR ONLINE	31 JANUARI 2012	MAKMAL KOMPUTER CTL	26 Orang
2	BENGKEL PENGUKUHAN KAEDAH STUDENT CENTRED LEARNING (SCL)	16 FEBRUARI 2012	DEWAN JUMAAH UTMIC	92 Orang
3	BENGKEL PENYEDIAAN BAHAN OPEN COURSEWARE (OCW)	17-19 FEBRUARI 2012	ANCASA RESORT PORT DICKSON	24 Orang
4	KURSUS ASAS E-PEMBELAJARAN	29 FEBRUARI 2012	MAKMAL KOMPUTER CTL	30 Orang
5	KURSUS OBE T&L GOOD PRACTICES	6 MAC 2012	DEWAN CTL	45 Orang
6	KURSUS OBE - CONSTRUCTIVE ALIGNMENT	21-22 MAC 2012	BILIK LATIHAN KORPORAT, CTL	46 Orang
7	KURSUS PENGGUNAAN PETA MINDA	2-4 DISEMBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	24 Orang
8	KURSUS PEMBANGUNAN BLOG BAGI TUJUAN P&P	5-6 DISEMBER 2011	MAKMAL KOMPUTER CTL	29 Orang
9	WORKSHOP RESEARCH DESIGN AND QUALITATIVE RESEARCH	15 DISEMBER 2011	BILIK LATIHAN KORPORAT CTL	24 Orang

KALENDAR KURSUS/BENGKEL PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) MEI-JUN 2012

BIL.	KURSUS	KATEGORI	KUMPULAN SASARAN	TARIKH
1	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK KESELURUHAN)	B	Terbuka	9 - 10 MEI
2	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK FAKULTI-KAMPUS SKUDAI)	B	Terbuka	22 MEI
3	OBE-ASSESSMENT & CQI (UNTUK FAKULTI-KAMPUS UTM KL)	B	Terbuka	20 JUN
4	OBE-T&L GOOD PRACTICES	B	Terbuka	27 JUN



Salam Takziah

Pihak CTL ingin mengucapkan salam takziah kepada Pengarah CTL, Prof. Dr. Baharuddin bin Aris kerana ayahanda beliau telah kembali ke rahmatullah pada 8 Mac 2012. Ucapan takziah juga disampaikan kepada juruteknik CTL, En. Salimi Ismail yang juga telah kehilangan ayahanda beliau pada 6 Mac 2012. Semoga roh keduanya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

Selamat Datang

Pihak CTL ingin mengucapkan selamat datang kepada En. Halimi bin Ismail sebagai Pembantu Am Pejabat yang mula bertugas di CTL pada 1 Januari 2012. Beliau mula berkhidmat di UTM dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Organisasi (BPPO) pada 4 Ogos 1990. Pada tahun 1994 pula, beliau telah di ditukarkan ke Unit Sukan HEMA dan ditempatkan pula di Fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat sehingga tahun 2010. Selepas dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Am Pejabat Kanan pada tahun 2010, beliau telah bertugas di Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). En. Halimi juga terlibat secara aktif dalam bidang sukan terutamanya sepaktakraw.

Beliau telah mewakili pasukan sepaktakraw UTM dan Negeri Johor sejak tahun 1990 lagi sehingga kini. Selain daripada itu, beliau adalah jurulatih sepaktakraw di Singapura bermula pada tahun ini.



Semoga segala pengalaman dan ilmu yang ada dapat digunakan untuk memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran CTL khususnya.



sambungan dari muka belakang

Saluran Teaching and Learning memiliki koleksi video paling banyak iaitu 486 video yang merangkumi siri syarahan perdana daripada Profesor Pelawat atau individu berpengaruh dari industri yang datang ke UTM untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman seperti Prof. Richard Vietor (Harvard Business School), Prof. Eric Mazur (Harvard University), Mark Chang (pengasas Jobstreet.com) dan lain-lain lagi.

Atas sokongan daripada Naib Cancellor UTM, UTMotion telah menambah satu lagi saluran iaitu Vice Cancellor Gallery menjadikan sembilan saluran keseluruhannya. Malah, setiap pertemuan bulanan beliau dengan staf UTM akan disiarkan secara terus menerusi di laman web ini bagi membolehkan semua pensyarah dapat mendengar amanat beliau tanpa meninggalkan tugas masing-masing.

Sehingga kini, UTMotion telah mengumpul sebanyak 1,159 video dan 72 audio yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar UTM sendiri.

Proses muatnaik ke laman UTMotion

Proses muatnaik video atau audio ke laman UTMotion sangat mudah. Pelajar atau pensyarah boleh login ke UTMotion menggunakan akaun Academic Computing ID (ACID) masing-masing. Akaun ini merupakan akaun yang sama untuk log masuk ke elearning@UTM. Jika pelajar atau pensyarah menghadapi masalah dengan akaun ACID mereka, boleh hubungi pegawai yang bertanggungjawab menerusi email acidwebmaster@utm.my

Setelah berjaya mendaftar masuk, pengguna boleh menekan butang upload dan ikut arahan yang diberikan. UTMotion boleh menerima pelbagai format video iaitu WMV, MPG, MPEG, AVI, MP4, FLV, MOV, dan MOOV sahaja. Manakala untuk Audio, format fail yang boleh dimuatnaik adalah MP3 dengan saiz maksimum 300 MB.

Proses ini boleh mengambil masa daripada beberapa minit sehingga kepada beberapa jam berdasarkan kepada saiz fail dan kelajuan rangkaian internet pengguna. Pengguna harus memastikan video dimasukkan ke saluran yang bersesuaian dan meletakkan tag yang menggambarkan video yang dimuatnaik untuk memudahkan proses pencarian.

Audio dan Video yang dimuatnaik perlu disemak (mengambil masa antara 2 jam hingga 48 jam) sebelum diluluskan untuk diterbitkan di laman UTMotion oleh moderator yang dilantik. Proses semakan dan kelulusan ini adalah berdasarkan Terma dan Syarat Penggunaan UTMotion yang boleh diakses di <http://utmotion.utm.my/utmotion/news.php?id=9>

Pengguna boleh pergi ke <http://utmotion.utm.my/utmotion/news.php?id=8> atau hubungi ctl@utm.my bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang penggunaan UTMotion dan proses memuatnaik bahan.

UTMotion : Laman Perkongsian Video UTM

Teknologi Web 2.0 adalah tren terbaru dalam penggunaan internet yang membolehkan perkongsian maklumat dan interaksi di kalangan pengguna. Salah satu aplikasi yang wujud daripada teknologi Web 2.0 ini adalah laman web perkongsian video seperti youtube. Laman web perkongsian video seperti ini telah menjadi begitu popular kerana ia menyediakan kemudahan kepada sesiapa saja memuatnaik video yang mereka hasilkan untuk ditonton oleh pengguna dari seluruh dunia.

UTM melihat kelebihan perkongsian video ini boleh diadaptasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Ia juga dilihat dapat membantu meningkatkan kreativiti di kalangan pensyarah dan pelajar serta mampu melahirkan suasana perkongsian yang sihat.

Atas dasar itu, UTM telah membangunkan satu saluran perkongsian video dan audio di URL <http://utmotion.utm.my> yang diselenggarakan oleh Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) dan disokong oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) sejak April 2010 lagi.

Semua pensyarah dan pelajar di UTM merupakan pengguna berdaftar dan boleh memuat naik dan berkongsi video dan audio dengan pengguna dari seluruh dunia menggunakan akaun ACID masing-masing. Pengguna tidak berdaftar iaitu masyarakat umum pula boleh menonton video, berkongsi link di laman web sosial masing-masing dan memberi komen berkaitan bahan media yang telah di muat naik.


Semasa dilancarkan, terdapat lapan saluran utama iaitu:

bersambung di muka 7

1. Creative Works
2. Library Resources
3. Research and Development
4. Student and Staff Activities
5. Teaching and Learning
6. University Events
7. University on Press
8. ZOOM UTM



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



WATCH. LEARN. BROADCAST